

26/10/2003

Malaysia tingkat kerjasama ekonomi dengan Papua New Guinea

PORT MORESBY: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia dan Papua New Guinea akan meningkatkan kerjasama ekonomi dalam pelbagai bidang, termasuk bioteknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perdana Menteri berkata, selain itu kedua-dua negara juga bersetuju menggalakkan lagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan dalam kepelbagaian

bio, eko pelancongan serta pembangunan sumber manusia.

"Bagaimanapun, terpulang kepada sektor swasta, pengusaha dan masyarakat

perniagaan untuk mengambil kesempatan daripada pelbagai peluang yang terbuka luas hasil daripada peningkatan kerjasama itu.

"Sektor swasta kedua-dua negara boleh meneroka potensi untuk membangunkan industri hiliran dalam bidang perlombongan, petroleum, perhutanan dan perikanan.

"PNG juga boleh menjadi sumber bagi bekalan alat ganti, komponen dan bahan mentah untuk Malaysia, selain meneroka potensi yang dapat menyokong

strategi pembangunan industri bersama," katanya pada Dialog Perniagaan PNG-Malaysia di sini semalam.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di sini dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke PNG, negara terakhir dilawatnya sebelum bersara pada akhir bulan ini.

Turut sama dalam rombongan beliau ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kerja raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri

Dr Lim Keng Yaik.

Selain itu, lebih 40 ahli perniagaan turut menyertai delegasi berkenaan

termasuk Presiden Petronas, Tan Sri Hasan Merican; Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga, Tan Sri Rozali Ismail.

Dr Mahathir berkata, tumpuan terhadap kerjasama dalam bidang bioteknologi kerana ia selaras dengan usaha kerajaan membangunkan sektor teknologi bionya.

"Kita juga sedang berusaha menjalankan kajian bersama mengenai kepelbagaian bio sedia ada untuk mengenal pasti nilai komersial sumber tanaman genetik, bidang baru yang menjadi tumpuan di kalangan saintis di Barat," katanya.

Perdana Menteri berkata, sektor swasta kedua-dua negara juga boleh meneroka potensi untuk membangunkan industri hiliran dalam bidang perlombongan, petroleum, perhutanan dan perikanan.

"PNG juga boleh menjadi sumber bagi bekalan alat ganti, komponen dan bahan mentah untuk Malaysia, selain meneroka potensi yang dapat menyokong

strategi pembangunan industri bersama," katanya.

Perdana Menteri berkata, PNG turut memiliki potensi besar sebagai

destinasi bagi syarikat Malaysia untuk melabur. Setakat ini, lebih 65 syarikat Malaysia beroperasi di negara ini dengan jumlah pelaburan lebih AS\$395 juta (RM1.5 bilion)